

22 Januari 2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KEMAJUAN PULAU PINANG AKAN TERHALANG TANPA BEKALAN AIR YANG CUKUP UNTUK MASA HADAPAN

- **Perolehan daripada cadangan semakan semula tarif PBAPP akan digunakan untuk membiayai projek bekalan air bernilai RM501 juta dalam tempoh 2019 - 2021.**

PULAU PINANG, Selasa, 22/01/2019: Perolehan daripada cadangan semakan tarif air Pulau Pinang akan digunakan semata-mata untuk membiayai projek bekalan air penting untuk masa depan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini giat melaksanakan pelbagai projek sosio ekonomi, untuk mencapai visi "Pulau Pinang 2030" menjadi "Negeri Berorientasi Kekeluargaan, Hijau dan Pintar untuk Inspirasi Negara".

Aspirasi "Pulau Pinang 2030" tidak dapat dicapai jika Pulau Pinang tidak mempunyai bekalan air yang cukup. Selain itu, rakyat Pulau Pinang mengharapkan untuk menikmati bekalan air yang berterusan dengan "tiada catuan air" menjelang 2030 dan seterusnya.

Oleh itu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) merancang pelaburan RM501 juta untuk projek bekalan air dalam tempoh 2019 – 2021, atas 8 sebab-sebab berikut:

1	Purata permintaan air harian Pulau Pinang meningkat sebanyak 11.02%, daripada 744 juta liter sehari (MLD) pada tahun 2008 kepada 826 MLD pada tahun 2017.
2	Permintaan air di Pulau Pinang diunjur mencapai 1,884 MLD menjelang 2050, mengikut kajian "Pelan Induk Air Minum di Pulau Pinang menjelang 2050".



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

3	Penduduk Pulau Pinang telah meningkat 13.55%, daripada 1.55 juta orang pada tahun 2008 kepada 1.76 juta orang pada tahun 2017. Pangkalan pelanggan PBAPP meningkat sebanyak 26.96% daripada 476,179 pengguna pada 2008 kepada 604,547 pengguna pada tahun 2017.
4	Bilangan pengguna air perniagaan (termasuk syarikat pembuatan multinasional, hotel antarabangsa dan pelbagai jenis perniagaan) di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 47.42% daripada 58,707 pengguna perdagangan pada tahun 2008 kepada 86,546 pengguna perniagaan pada tahun 2017.
5	Pulau Pinang perlu mempunyai air yang cukup untuk menyokong projek-projek untuk masa depan, seperti “Dermaga Gurney”, “Pelan Induk Batu Kawan” dan “Penambakan Pulau Pinang Selatan - Projek Tiga Pulau”.
6	Menurut laporan Malaysiakini (diterbitkan pada 13.10.2017), KDNK per kapita Pulau Pinang pada 2016 ialah RM47,332.00, yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Kuala Lumpur. PBAPP mesti secara konsisten mendahului permintaan air Pulau Pinang untuk memastikan rakyat terus mendapat manfaat daripada kemajuan sosio ekonomi masa depan.
7	Mengikut perancangan, pembangunan dan pertimbangan dana, projek bekalan air utama tidak dapat dilaksanakan dalam setahun atau dua tahun. Sebagai contoh, jangkaan tempoh pembangunan untuk Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) adalah 7 tahun.
8	<p>Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar “Tiada Catuan Air” di Pulau Pinang untuk manfaat rakyat.</p> <p>Kita mesti sentiasa ingat bahawa Pulau Pinang adalah negeri kekurangan air. Objektif utama PBAPP adalah melaksanakan projek bekalan air untuk mengelakkan catuan air di Pulau Pinang... bukan hanya untuk hari ini, tetapi untuk masa depan.</p>

Fikirkan Tentang Masa Depan

Dalam satu surat kepada Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow (bertarikh 10.1.2019), MCA Pulau Pinang merayu pembatalan cadangan semakan tarif air untuk “kebaikan rakyat”.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa MCA untuk “berfikir tentang kebaikan bagi Pulau Pinang dan rakyatnya pada masa akan datang”.

Banyak perkara telah berubah di Pulau Pinang, dengan ketara, sejak tahun 2008.

Peningkatan penggunaan air domestik yang merupakan penyebab utama, subsidi air PBAPP bagi 2017 dan 2018 berjumlah RM163.2 juta. Pada 2017, PBA Holdings Bhd mencatatkan keuntungan operasi selepas cukai (PAT) sebanyak RM37.28 juta.

Bagaimanakah kita dapat terus memberi subsidi RM80 juta setahun (atau lebih) subsidi apabila PBAPP perlu mengumpul dana yang mencukupi untuk projek-projek bagi memastikan bekalan air yang berterusan dan jaminan air untuk Pulau Pinang pada masa akan datang?

Cadangan kajian semula tarif air TIDAK bertujuan menambah lebih banyak wang ke dalam poket PBAPP. Ia adalah untuk melindungi masa depan Pulau Pinang dan rakyatnya.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my